

Akan terus fokus kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara

# PM janjikan perubahan besar

Oleh WAN ZULKIFLI WAN YAACOB

penyaring@utusan.com.my

■ BESUT 16 APRIL

DATUK Seri Najib Tun Razak berjanji akan membawa perubahan lebih besar bagi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara tanpa menghiraukan kerenah pembangkang yang berterusan memburukkan kerajaan pemimpinnya.

Perdana Menteri berkata, beliau akan terus memberi tumpuan dan bekerja keras bagi menjayakannya dan dalam masa yang sama, mahukan negara ini dihormati di peringkat dunia.

"Saya tak 'ambil cara' pembangkang, saya tak 'ambil cara' pemimpin kita dulu mengata kita. Saya 'ambil cara' pemimpin luar agar negara kita dihormati," katanya.

"Bagi memajukan negara dan dihormati sebagai sebuah negara Islam sejati, Malaysia berpegang kepada pengurusan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan pengurusan maqasid syariah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Pecah Tanah Projek Pemuliharaan Muara Sungai Besut (Gerbang Pelancongan Antarabangsa) di Pekan Baru, Kuala Besut, di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman; Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh; Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar, Usahawan, Koperasi dan Kepenggunaan ne-



**NAJIB TUN RAZAK** meninjau projek pemuliharaan muara Sungai Besut, Kuala Besut, semalam. Turut kelihatan Ahmad Razif Abdul Rahman (belakang, dua dari kiri), Wan Jusaidi Tuanku Jaafar (kiri), Idris Jusoh (tiga dari kanan) dan Ahmad Shabery Cheek (dua dari kanan). - BERNAMA

geri, Nawi Mohamad.

Kata Najib, transformasi yang ingin terus dibawa bukan perubahan kecil dan perlahan tetapi lebih pantas dan menyeluruh dalam segenap aspek dengan segala keperluan rakyat, pembangunan fizikal dan rohani, emosi, ilmu dan akal.

Menurut beliau, rakyat tidak perlu bimbang dengan segala yang ditabur oleh pembangkang kerana negara ini berada di lan-

dasan yang benar.

"Yang memperkecilkan kita, persendakan kita, nawaitu mereka bermotif politik, bukan niat suci. Jadi kita kekalkan kompas kita, GPS (sistem pengesanan global) kita. Kita mesti istiqamah dan konsisten bagi memastikan perjuangan diteruskan," ujar beliau.

Katanya, banyak pihak di luar mengukui kelebihan negara ini ter-

masuklah yang terbaharu pengiktirafan oleh University of Pennsylvania yang menamakan Malaysia sebagai destinasi pelaburan terbaik dunia.

"Majalah *International Living* menyatakan penjenagan kesihatan Malaysia yang keempat terbaik di dunia manakala penilaian *World Economic Forum Global Competitive Index* meletakkan Malaysia di tempat ke-11 daripada 138 ter-

baik dari segi infrastruktur pengangkutan awam.

"Ini semua pengiktirafan yang bukan kita boleh beli atau minta. Ini penilaian mereka. Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud sanjung kita, kini Kim Jong-un (pemimpin tertinggi Korea Utara) juga hormati kita dengan membenarkan sembilan rakyat Malaysia pulang dengan selamat," ujarnya.